

Jenis Akhbar : Berita Harian
Tarikh : 20/11/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 22

KOPERASI

[FOTO ZULFADHLI ZULKIFLI/BH]



Asnita bersama replika kunci PROTON Iriz yang dimenangnya pada majlis cabutan bertuah MACCOPS 2017, di Petaling Jaya, semalam.

Tuah beli 3kg Harumanis menang PROTON Iriz

Petaling Jaya: Tuah membeli tiga kilogram (kg) mangga Harumanis, seorang wanita semalam, mendapat durian runtuh apabila memenangi PROTON Iriz bernilai RM45,000 pada majlis cabutan bertuah Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (MACCOPS).

Ahli perniagaan, Asnita Musarahan, 47, yang menggunakan resit pembelian buah berkenaan bernilai RM150 sebagai syarat menyertai pertandingan itu, menyifatkan kemenangannya sebagai rezeki.

“Saya tak sangka kunjungan ke karnival ini benar-benar memberi tuah lebih besar. Saya ke sini bersama anak selepas terbaca iklan menerusi akhbar tempatan semalam (kelmarin),” kata ibu empat anak ini ketika ditemui pada Majlis Penutup MACCOPS.

Beliau menerima replika kunci kereta berkenaan yang disampaikan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan



Saya tak sangka kunjungan ke karnival ini benar-benar memberi tuah lebih besar. Saya ke sini bersama anak selepas terbaca iklan menerusi akhbar tempatan”

Asnita Musarahan,
Ahli perniagaan

Kepenggunaan (KPDKKK), Datuk Henry Sum Agong.

Transaksi dagangan RM184j
MACCOPS sejak 15 November lalu berjaya mencatat nilai transaksi dagangan RM184 juta menerusi permadanan perniagaan, termasuk memorandum persefahaman (MoU) di antara koperasi tempatan dan antarabangsa serta agensi berkaitan.

Tiga MoU yang dimeterai ialah di antara Felda Wellness Corporation dan Koperasi Farmasi Muslim Selangor Berhad berkaitan farmasi serta ANGKASA dan Persekutuan Koperasi Pertanian Kebangsaan Korea Selatan berkaitan penernakkan lemu tenusu.

Selain itu, MOU di antara Koperasi Doktor Pakar Berhad dan Fresenius Medical Care Malaysia Sdn Bhd bagi menubuhkan Pusat Latihan Renal ANGKASA dengan kos RM1.5 juta yang dijangka dibangunkan pada tahun depan.

Perpustakaan Koperasi Malaysia